

Sokongan Persekitaran Sosial Terhadap Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21 Ke Arah Kerjaya Digital Dalam Kalangan Pelajar Universiti

(Social Environmental Support For 21st Century Skills Cultivation Toward A Digital Career Among University Students)

Siti Nurul Aqilah Ahmad Zamri^{1*}, Mahzan Awang¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p118620@siswa.ukm.edu.my

Received: 27 January 2024 | Accepted: 15 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.39>

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh tahap sokongan persekitaran sosial terhadap pemupukan kemahiran abad ke-21 serta mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan bagi tahap sokongan persekitaran sosial dan pemupukan kemahiran abad ke-21 dengan jantina dan bidang pengajian pelajar universiti. Bukan itu sahaja, penelitian mengenai hubungan diantara sokongan persekitaran sosial terhadap pemupukan kemahiran abad ke-21 juga dijalankan. Pembangunan item soal selidik bagi kajian ini diubahsuai daripada kajian lepas. Pemilihan sampel adalah secara rawak dan seramai 400 orang responden terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dibahagikan kepada enam zon kawasan meliputi zon utara, selatan, pantai barat, pantai timur, Sabah dan Sarawak. Analisis data menggunakan perisian SPSS 23.0 dengan memfokuskan kepada analisis deskriptif (min dan sisihan piawai) manakala analisis inferensi menggunakan MANOVA dan korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sokongan persekitaran sosial dan tahap pemupukan kemahiran abad ke-21 secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Hasil analiais daripada ujian MANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aspek-aspek sokongan persekitaran sosial dan pemupukan kemahiran abad ke-21 terhadap jantina dan bidang pengajian pelajar. Bagi aspek hubungan diantara sokongan persekitaran sosial dengan pemupukan kemahiran abad ke-21 menunjukkan terdapat hubungan yang amat kuat. Ini menunjukkan bahawa sokongan persekitaran sosial pelajar memberi impak yang besar dalam proses pembentukan kemahiran abad ke-21 pelajar universiti. Oleh itu, galakkan perlu diberikan kepada para pelajar bagi menyertai aktiviti dan program yang bukan berbentuk akademik di institusi pengajian mahupun di kejuruan pelajar memastikan pelajar itu seimbang dari sudut akademik dan juga pembentukan kemahiran abad ke-21. Hal ini kerana kemahiran abad ke-21 amat penting bagi pelajar universiti kerana saing pasaran pekerjaan dalam indsutri global adalah lebih mencabar.

Kata Kunci: Persekitaran Sosial, Kemahiran Abad Ke-21, Pelajar Universiti, Kerjaya

Abstract: The objective of this research is to ascertain the impact of social environment support on the development of skills relevant to the twenty-first century. This investigation also seeks to ascertain whether gender and academic discipline influence the degree to which university students are supported in their social environments and the development of twenty-first century skills. Further investigation was undertaken to explore the correlation between

social environment support and the development of twenty-first century skills. The questionnaire items utilised in this study were adapted from those utilised in prior research. An overall of 400 participants were included in this study, which employed a random sample selection process. The regions covered by this study are the north, south, west coast, east coast, Sabah, and Sarawak. It is divided into six regional zones. Inferential analysis employs MANOVA and Pearson correlation, whereas descriptive analysis (mean and standard deviation) is the primary focus of data analysis using SPSS 23.0. The results of the research indicate that there is a significant degree of support from the social environment and a general emphasis on developing 21st-century abilities. Regarding the development of twenty-first-century skills and support from the social environment, the results of the MANOVA test indicate that neither the gender nor the academic discipline of the students significantly differs. However, about the correlation between social environment support and the development of 21st-century skills, it is evident that a robust relationship exists. This demonstrates how university students' social settings play a major role in helping them develop the 21st-century abilities they will need. To ensure that a student is well-rounded academically and in terms of developing twenty-first-century competencies, therefore, it is advisable to promote their engagement in extracurricular activities offered by the institution. In the end, the global industry offers a more difficult and competitive job market.

Keywords: *Social Environment, 21st-Century Skills, University Students, Global Career*

1. Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2013 mengubah sistem pendidikan negara. Ia bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk abad ke-21. Transformasi dalam sistem pendidikan harus dilakukan untuk mewujudkan pelajar yang holistik yang mempunyai semua kemahiran abad ke-21. Apabila bercakap tentang pembelajaran abad ke-21, perhatian utama telah diberikan kepada pembangunan pelajar dalam domain komunikasi, pemikiran kritis, kreativiti, nilai dan etika, serta pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh pasaran global hari ini.

Sejajar dengan perkembangan abad ke-21 yang dikenali sebagai dunia tanpa sempadan atau zaman *skills with knowledge*, data daripada Career Services Network, Michigan State University (2010) mendapati bahawa keputusan akademik yang cemerlang bukanlah jaminan untuk graduan mendapatkan tempat di alam pekerjaan. Namun begitu, data juga menunjukkan bahawa graduan yang memiliki kemahiran dan pengetahuan lebih mudah menempatkan diri di alam industri. Hal ini bersepadanan dengan hasil kajian daripada Tewari (2010) dan Rasul et al. (2009) dimana kemahiran abad ke-21 merupakan aspek kemahiran penting dalam pasaran global kini.

Dari sudut industri, perkembangan abad ke-21 memaksa mereka untuk mendapatkan pekerja yang berpengetahuan bagi bersaing di pasaran ekonomi global yang lebih rumit dan kompleks. Pekerja berpengetahuan mestilah memiliki satu set lengkap kemahiran abad ke-21 yang merangkumi kemahiran komunikasi, afektif, keusahawanan, teknologi, berfikiran kritis, kepimpinan, kerja berpasukan, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan keusahawanan serta mestilah boleh bekerja dalam pelbagai persekitaran.

NEA Amerika Syarikat mencipta empat ciri kemahiran abad ke-21 yang menjadi asas pendidikan. Ia termasuk kreativiti, komunikasi, kolaboratif dan pemikiran kritikal.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menambah empat belas ciri ini ke dalam sistem pendidikan Malaysia. KPM telah menambah sepuluh teras kemahiran abad ke-21 iaitu inovasi, penyelesaian masalah, literasi teknologi dan maklumat, fleksibiliti, keupayaan menyesuaikan diri, kemahiran sosial dan budaya, produktiviti, akauntabiliti, dan kepimpinan dan tanggungjawab. Dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, sistem pendidikan Malaysia telah menetapkan empat belas aspek kemahiran abad ke-21 ini sebagai piawaian.

Chu, Saucier, dan Hafner (2010) berpendapat bahawa, jika dilihat dari perspektif sokongan persekitaran sosial, ia terdiri daripada dua asas utama untuk menyokong pembangunan kemahiran pelajar: aspek psikologi dan material. Namun begitu, menurut Rosenfeld, Richman dan Bowen (2000), rakan sebaya, keluarga dan institusi pendidikan merupakan sokongan sosial yang paling hampir bagi pelajar universiti. Sokongan sosial daripada rakan dan keluarga adalah penting untuk membina kemahiran diri yang positif dalam pelajar. Pengalaman pelajar adalah komponen penting dalam sokongan sosial pelajar. Dalam kajian Ahmad Fadly et al. (2021), faktor persekitaran ialah keadaan persekitaran seseorang yang memberi kesan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada perubahan diri pelajar.

Hal ini juga disokong oleh Anisa Saleha (2015) dimana persekitaran yang positif dan efektif dapat membantu memberikan motivasi kepada pelajar dan mampu mengerakkan pelajar dalam mengikut aktiviti yang dapat meningkatkan tahap kemahiran abad ke-21 pelajar. Oleh sebab yang demikian, para pelajar memerlukan sokongan persekitaran sosial yang mantap bagi membantu memupuk kemahiran abad ke-21 ke tahap yang tinggi. Sokongan persekitaran yang utama bagi para pelajar universiti ialah rakan, institusi pengajian dan keluarga serta platform maya. Kepelbagaian aktiviti yang dikendalikan oleh pihak institusi pengajian merupakan satu platform yang disediakan untuk pelajar meningkatkan tahap kemahiran abad ke-21 mereka.

Menurut data Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2022), terdapat 70 040 pelajar universiti di Malaysia pada tahun 2021 dan meningkat kepada 70 341 pada tahun 2022. Jumlah enrolmen yang meningkat ini mempunyai kesan yang ketara terhadap pembentukan kemahiran graduan. Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

- i. Mengenalpasti tahap sokongan persekitaran sosial dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti.
- ii. Mengenalpasti perbezaan tahap sokongan persekitaran sosial dan pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan jantina dan bidang pengajian.
- iii. Mengenalpasti hubungan antara sokongan persekitaran sosial dengan pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti.

2. Sokongan Persekitaran Sosial

Menurut kamus dewan bahasa edisi ke-4 perkataan sokong membawa maksud pemberian rangsangan atau bantuan manakala istilah sosial pula merujuk kepada pergaulan seseorang atau individu itu. Jika digabungkan sokongan sosial membawa maksud pemberian rangsangan daripada pergaulan persekitaran individu tersebut. Sokongan sosial juga merujuk kepada hubungan diantara kenalan dengan individu yang mana apabila individu menghadapi kesusahan, kenalan dapat membantu untuk menghadapi masalah menurut House (1981). Bagi Brannon dan Feist (2004) pula, mereka mentafsirkan sokongan sosial sebagai pemberian rangsangan dari segi fizikal dan mental yang diterima oleh seseorang individu daripada individu yang lain. Selain itu, menurut Lin et al. (1979) dan Zulhildi (2020), sokongan sosial ialah hubungan sosial seseorang dengan orang lain dalam kelompok yang lebih besar. Ini termasuk hubungan antara rakan, keluarga, kumpulan dan masyarakat juga.

Hubungan interpersonal yang bertujuan untuk memberikan rangsangan dan bantuan fizikal dan mental dikenali sebagai sokongan sosial, menurut Costello, Pickens dan Fenton (2001). Kemudian, Abbas et al. (2009) melihat sokongan sosial sebagai bantuan atau bantuan yang diterima oleh seseorang untuk mengurangkan beban kesusahan yang mereka alami. Akibatnya, Levy et al. (2017) menyimpulkan bahawa sokongan sosial ialah keadaan di mana orang mempunyai perasaan kepunyaan dan memerlukan satu sama lain dalam kehidupan mereka. Selain itu, kajian Sarafino dan Smith (2011) mendapati bahawa sumber sokongan sosial boleh diperolehi oleh orang dalam persekitaran mereka. Ini termasuk keluarga, pasangan, rakan, komuniti, dan pertubuhan.

Rentetan daripada itu, Zakaria Stapa et al. (2012) mendapati dalam kajian mereka bahawa unsur-unsur kemanusiaan dan bukan kemanusiaan—seperti sokongan daripada guru, ibu bapa, rakan sebaya, komuniti, dan pelbagai jenis media—adalah sumber sokongan sosial. Selain itu, definisi ini sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Nurullah (2012), yang menyatakan bahawa sokongan sosial ialah bantuan yang diberikan oleh orang lain atau persekitaran orang tersebut yang membawa kepada perasaan selesa, kasih sayang, dan penghargaan sendiri. seperti yang ditunjukkan oleh Zakaria Stapa dan rakan sekerja. Menurut Nurullah (2012), sumber sokongan sosial terutamanya datang daripada keluarga, rakan-rakan, pekerja, pasangan, organisasi, dan komuniti.

3. Kemahiran Abad Ke-21

Perubahan kemahiran abad ke-20 kepada kemahiran abad ke-21 adalah disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, dimana kemahiran abad ke-21 menekankan komponen penting iaitu pengetahuan dan kemahiran menurut Frank Levy dan Richard Murnane (2004). Teras utama bagi kemahiran abad ke-21 menurut Chris Dede (2009) ialah kemahiran dalam menguasai teknologi dan maklumat. Namun begitu, Jenkins et al. (2006) dalam kajiannya yang terlebih dahulu daripada Chris Dede (2009) menyatakan bahawa kemahiran abad ke-21 mempunyai tiga teras. Teras kemahiran abad ke-21 menurut Jenkis et al. (2006) ialah pembelajaran dan pemikiran, literasi ICT dan kemahiran sepanjang hayat.

Walaupun terdapat teras yang telah diletakkan bagi pembentukan kemahiran abad ke21, Wrahatnolo dan Munoto (2018) dalam kajiannya mendapati bahawa penerapan kemahiran ini di dalam kurikulum pembelajaran dan pengajaran merupakan sesuatu yang sukar. Oleh itu, dibawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), Kementerian Pendidikan telah merangka program-program khurus yang berfokuskan kepada pembentukan kemahiran abad ke-21 dan akademik pelajar. Hal ini penting, bagi memastikan bakal graduan yang dilahirkan mampu berhadapan dengan cabaran industri pekerjaan yang bersifat global.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Hii (2007) pelajar yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21 mampu mengaplikasikan kemahiran ini dalam pelbagai situasi mahupun keadaan. Rentetan daripada itu, Sabran M.S, Amin S.M, dan Mohameda (2008) di bawah lonjakan pertama dalam misi dan aspirasi pendidikan negara, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meletakkan graduan yang bakal dilahirkan perlulah unggul dalam semua domain iaitu kognitif, psikomotor, dan juga afektif yang meliputi kemahiran komunikasi, afektif, pemikiran kritis, pembelajaran sepanjang hayat, kerja berpasukan, keusahawanan, literasi teknologi, etika dan nilai profesional serta kepimpinan.

4. Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif yang berbentuk tinjauan telah dilaksanakan, dengan kaedah pengumpulan data menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian sepenuhnya. Seramai 400 pelajar universiti telah dihubungi melalui pautan soal selidik atas talian, yang dikenali sebagai soal selidik Google, secara rawak. Pengiraan Krejcie & Morgan (1970) digunakan untuk menentukan saiz sampel. Untuk memudahkan proses pengumpulan data, lokasi kajian telah dibahagikan kepada beberapa kawasan. Universiti Kebangsaan Malaysia terletak di pantai barat, Universiti Malaysia Terengganu terletak di pantai timur, dan Universiti Sains Malaysia terletak di utara. Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Putra Malaysia (Kampus Bintulu) dipilih untuk menjalankan kajian di Sabah dan Sarawak.

Soal selidik dibahagikan kepada tiga konstruk, dan konstruk bahagian A berkaitan dengan demografi responden yang bertujuan untuk mengumpul data mengenai jantina, umur, dan bidang pengajian responden. Bahagian B pula mengandungi konstruk sokongan persekitaran sosial. Ini termasuk subkonstruk keluarga, rakan, masyarakat, institusi pendidikan dan platform maya. Bahagian C pula mengandungi struktur kemahiran abad ke-21, dengan substruktur seperti komunikasi, afektif, keusahawanan, teknologi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah. Untuk memudahkan responden menjawab soal selidik skala likert lima mata telah digunakan.

Analisis deskriptif nilai frekuensi dan peratusan digunakan untuk mengetahui pemboleh ubah jantina, umur dan bidang pengajian. Pentaksiran skor min dan sisihan piawai pula digunakan untuk menganalisis data mengenai sokongan persekitaran sosial dan kemahiran abad ke-21. Pentaksiran skor min adalah berdasarkan Nunnally (1994) seperti jadual 1. Ujian MANOVA digunakan dalam menentukan perbezaan min antara jantina dan bidang pengajian dengan sokongan persekitaran sosial dan pemupukan kemahiran abad ke-21. Darjah kebebasan dan nilai F bagi melihat homogeniti varians ditentukan berdasarkan formula di jadual 2. Analisis korelasi Pearson pula digunakan untuk menentukan hubungan sokongan persekitaran sosial dengan pemupukan kemahiran abad ke-21 responden. Kekuatan hubungan r value ditunjukkan dalam jadual 3 berdasarkan Davies (2009).

Jadual 1: Jadual Penentuan Skor Min

Julat skala	Interpretasi skor min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber Nunnally (1994)

Jadual 2: Jadual Darjah Kebebasan dan Nilai F

df <i>b</i>	=	K-1
df <i>w</i>	=	N-K
MS _{<i>b</i>}	=	punca ganda dua antara min
MS _{<i>w</i>}	=	punca ganda dua di dalam min
df <i>b</i>	=	darjah kebebasan di dalam varians
df <i>w</i>	=	darjah kebebasan antara varians
N	=	jumlah responden di dalam kumpulan
K	=	bilangan kumpulan

$$F = \frac{MS_b}{MS_w}$$

Jadual 3: Jadual Penentu Kekuatan Hubungan R Value

Nilai pekali (r)	Kekuatan Hubungan
0.70 – 1.00	Amat Kuat
0.50-0.69	Kuat
0.30-0.49	Sederhana
0.10-0.29	Lemah
0.01-0.09	Amat Lemah

Sumber: Davies (2009)

5. Hasil Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan 400 orang pelajar dari universiti awam di Malaysia yang terbahagi kepada enam zon iaitu utara, selatan, pantai barat, pantai timur, sabah dan sarawak. Demografi responden terdiri daripada jantina, umur dan bidang pengajian.

Jadual 4: Profil Demografi Responden Kajian

Profil	Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	210	52.5
	Perempuan	190	47.5
Umur	18 – 20 tahun	171	42.8
	21 – 23 tahun	121	30.3
	>24 tahun	108	27.0
Bidang Pengajian	Pendidikan, Bahasa, Komunikasi & Sukan	113	28.3
	Sains Sosial, Perniagaan & Perundangan	156	39.0
	Sains Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan	36	9.0
	Sains, Matematik & Komputer	68	17
	Perhotelan, Pelancongan & Pengurusan	27	6.8

Jadual 4 diatas menunjukkan latar belakang responden yang terdiri daripada 400 orang pelajar universiti di Malaysia. Seramai 210 orang (52.5%) adalah lelaki dan 190 orang (47.5%) adalah perempuan. Dari segi umur, seramai 171 orang (42.8%) berumur 18 – 20 tahun, 121 orang (30.3%) berumur 21 - 23 tahun serta 104 orang (27%) berumur > 24 tahun. Bagi bidang pengajian pula, hasil analisis menunjukkan majoriti responden dari bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan dengan nilai 39%, di ikuti oleh bidang pendidikan, bahasa, komunikasi dan sukan dengan nilai 28.3%. Selain itu, seramai 68 orang responden (39%) dari bidang sains, matematik dan komputer manakala 36% dari bidang sains kejuruteraan, pembuatan dan pembinan serta 6.8% responden dari bidang perhotelan, pelancongan dan pengurusan.

Jadual 5: Tahap Sokongan Persekitaran Sosial

Item	Min	S.P	Interpretasi
Keluarga	4.08	0.80	Sederhana Tinggi
Rakan	4.28	0.55	Tinggi
Institusi Pengajian	4.19	0.58	Tinggi
Masyarakat	3.38	1.08	Sederhana Tinggi
Platform Maya	4.29	0.51	Tinggi

Jadual 5 menunjukkan bahawa tahap sokongan persekitaran sosial secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Bagi aspek keluarga skor min = 4.08 dan sisihan piawai = 0.67 iaitu

sederhana tinggi. Selain itu, bagi aspek rakan pula skor min = 4.28 dan sisihan piawai = 0.55, institusi pengajian dengan skor min = 4.19 dan sisihan piawai = 0.58 dan platform maya dengan skor min = 4.29 dan sisihan piawai = 0.51 berada pada tahap tinggi. Manakala tahap sokongan persekitaran sosial bagi aspek masyarakat berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min = 3.38 dan sisihan piawai = 1.08.

Jadual 6: Tahap Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21

Item	Min	S.P	Interpretasi
Komunikasi	4.12	0.46	Tinggi
Afektif	4.09	0.65	Sederhana Tinggi
Keusahawanan	3.90	0.87	Sederhana Tinggi
Teknologi	4.38	0.50	Tinggi
Pemikiran Kritis & Menyelesaikan Masalah	4.25	0.52	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan bahawa tahap pemupukan kemahiran abad ke-21 berada pada tahap tinggi secara keseluruhan dengan konsrtuk aspek komunikasi dengan skor min = 4.12 dan sisihan piawai = 0.46 iaitu tinggi. Bagi aspek afektif pula skor min = 4.09 dan sisihan piawai = 0.65 dan keusahawanan dengan skor min = 3.90 dan sisihan piawai = 0.87 berada pada tahap sederhana tinggi. Manakala bagi aspek teknologi dengan skor min = 4.38 dan sisihan piawai = 0.50 serta pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah dengan skor min = 4.25 dan sisihan piawai = .52 berada pada tahap tinggi.

Jadual 7: Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Sokongan Persekitaran Sosial Dalam Kalangan Pelajar Universiti Berdasarkan Jantina dan Bidang Pengajian

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam kumpulan	Sig.
Jantina	0.993	0.544	1	398	0.743
Bidang Pengajian	0.140	52.514	4	395	0.00

Hasil analisis perbandingan skor min sokongan persekitaran sosial berdasarkan jantina, nilai Wilks' $\lambda = 0.993$, $F_{(1,398)} = 0.544$ dan $p = 0.743$ ($p > 0.05$). Hal ini menyebabkan hipotesis nol pertama (H_{01}) gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sokongan persekitaran sosial dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan jantina. Mnakala bagi hasil analisis perbandingan skor min sokongan persekitaran sosial berdasarkan bidang pengajian, nilai Wilks' $\lambda = 0.140$, $F_{(4,395)} = 52.514$ dan $p = 0.00$ ($p > 0.05$). Hal ini menyebabkan hipotesis (H_{02}) gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sokongan persekitaran sosial dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan bidang pengajian.

Jadual 8: Analisis MANOVA Satu Hala Perbezaan Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pelajar Universiti Berdasarkan Jantina dan Bidang Pengajian

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	DK antara kumpulan	DK Dalam kumpulan	Sig.
Jantina	0.996	0.286	1	398	0.920
Bidang Pengajian	0.098	65.93	4	395	0.00

Hasil analisis perbandingan skor min sokongan persekitaran sosial berdasarkan jantina, nilai Wilks' $\lambda = 0.996$, $F_{(1,398)} = 0.286$ dan $p = 0.920$ ($p > 0.05$). Hal ini menyebabkan hipotesis (H_{03}) gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan jantina. Seterusnya, hasil analisis perbandingan skor min sokongan persekitaran sosial berdasarkan bidang pengajian, nilai Wilks' $\lambda = 0.098$, $F_{(4,395)} = 65.93$ dan $p = 0.00$ ($p > 0.05$). Hal ini menyebabkan hipotesis

(H₀₄) gagal ditolak kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan bidang pengajian.

Jadual 9: Hubungan Sokongan Persekitaran Sosial Dengan Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pelajar Universiti

		Nilai Pearson	Korelasi Sig.	Interpretasi
Sokongan Persekitaran Sosial	Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21	.733**	.000	Amat Kuat

**signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

Hasil analisis dapatan kajian secara terperinci menunjukkan terdapat hubungan positif yang amat kuat antara sokongan persekitaran sosial dengan pemupukan kemahiran abad ke-21 ($r = 0.733$, sig. = 0.00 $p < 0.01$).

6. Perbincangan

Tahap Sokongan Persekitaran Sosial

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap sokongan persekitaran sosial adalah tinggi untuk aspek rakan, institusi pengajian dan platform maya, manakala tahap sokongan adalah sederhana tinggi untuk aspek keluarga dan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa sokongan sosial rakan sebaya mempunyai kesan yang ketara terhadap pelajar. Selain itu, penemuan ini disokong oleh kajian oleh Espinoza dan Knifsend (2012) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara komponen rakan sebaya dan keterlibatan pelajar dalam aktiviti, sama ada akademik atau pembentukan diri. Pelajar universiti lebih kerap menghabiskan masa bersama rakan mereka di tempat seperti kafe dan dewan kuliah. Hal ini menyebabkan pengaruh sokongan sosial dari sudut pandangan rakan, yang memberi kesan langsung dan kuat kepada bantuan yang diberikan kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran diri mereka. Secara keseluruhannya, persekitaran sosial institusi pengajian memberikan sokongan yang sangat baik. Pelajar secara tidak langsung mendapat manfaat daripada pembangunan kemahiran abad ke-21 apabila mereka diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh institusi pendidikan mereka atau diuruskan oleh kelab atau persatuan.

Aktiviti di luar bilik kuliah membolehkan pelajar mempelajari pelbagai kemahiran moden, seperti komunikasi, membuat rumusan, mendengar dan membina hubungan sosial. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (2015) menetapkan sepuluh lonjakan untuk meningkatkan sistem pendidikan dan mengintegrasikan pembelajaran dengan teknologi untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam dunia kerja. Hal ini berpadanan dengan penemuan Mohamed (2014) yang menunjukkan bahawa program dan aktiviti universiti bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, rohani, emosi dan fizikal. Selain itu, institusi pengajian memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti graduan untuk menyesuaikan diri dengan pasaran pekerjaan yang kompetitif.

Hasil kajian Nik Azma (2011) kebolehpasaran graduan bukan sahaja terletak pada keputusan akademik yang cermelang semata-mata tetapi merangkumi aspek kemahiran-kemahiran abad ke-21. Jika dilihat kepada teori ekologi Bronfenbrenner (1977), sokongan persekitaran sosial merupakan aspek penting dan berpengaruh dalam memberi kesan langsung kepada proses pembentukan kemahiran diri individu itu. Apabila pelajar berada di persekitaran sosial yang positif maka tahap pembentukan kemahiran pelajar juga akan berkembang dengan positif kerana adanya dorongan daripada persekitaran pelajar itu. Oleh itu, pembentukan persekitaran

yang positif sebagai medium sistem sokongan kepada pembentukan kemahiran abad ke-21 pelajar bukan sahaja terletak dibahu ibu bapa, rakan mahupun institusi pengajian tetapi ianya merupakan satu usaha sama daripada semua pihak.

Tahap Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21

Dapatan paling tinggi dicatatkan oleh aspek komunikasi, teknologi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah manakala berada pada tahap sederhana ialah aspek keusahawanan dan afektif. Sebagaimana yang diketahui kemahiran komunikasi merupakan aspek terpenting bagi pelajar bukan sahaja sewaktu berada di institusi pengajian tetapi ianya lebih penting sewaktu berada di alam pekerjaan. Hal ini bersepadanan dengan hasil kajian daripada Mark Luna S. (2016) yang menyatakan bahawa sebanyak 40% pelajar tidak mendapat pekerjaan kerana memiliki kemahiran komunikasi yang lemah. Pemupukan kemahiran komunikasi dapat diterapkan kepada pelajar bukan sahaja melalui aktiviti pembelajaran tetapi juga melalui penglibatan pelajar di dalam aktiviti mahupun program yang bersifat bukan akademik.

Selain itu, pembentukan kemahiran abad ke-21 seseorang pelajar juga bergantung kepada penglibatan pelajar itu dalam menyertai aktiviti-aktiviti mahupun progra-program bukan akademik yang dianjurkan oleh pihak universiti. Untuk melahirkan seorang pelajar yang holistik pihak universiti telah mewajibkan setiap pelajar untuk menyertai kursus kokurikulum berkerdit bagi membangunkan kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam diri pelajar (Siti Rahaya et al., 2010). Pengwajibkan penyertaan pelajar dalam kursus kokurikulum berkerdit ini membantu untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran abad ke-21 pelajar. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa kemahiran afektif pelajar universiti adalah sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa elemen kemahiran afektif ini perlu dipertingkatkan lagi untuk menghasilkan graduan yang lebih dinamik dan holistik.

Menurut hasil kajian Hassanain (2015), kemahiran keusahawanan pelajar adalah sederhana tinggi. Oleh itu, kajian ini boleh menolak kajian Hamzah dan Othman (2020) yang menyatakan bahawa pelajar universiti mempunyai kemahiran keusahawanan yang tinggi. Kajian daripada Mohd. Arif Ismail (2009), pula menyatakan bahawa pelajar generasi kini lebih mahir dalam menggunakan teknologi dan lebih berkemahiran dalam memanfaatkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran abad ke-21 yang lain. Penyediaan keperluan teknologi bagi pembelajaran khususnya di peringkat institusi pengajian perlu di perbanyakkan dan dipertingkatkan kualitinya. Bukan itu sahaja, penganjuran khusus-khusus asas teknologi juga perlu kerap dianjurkan bagi memastikan generasi pelajar yang bakal dilahirkan memiliki daya saing yang tinggi dan mampu mengharungi cabaran kerja globalisasi kini.

Perbezaan Sokongan Persekitaran Sosial Berdasarkan Jantina dan Bidang Pengajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa berdasarkan jantina dan bidang pengajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam sokongan persekitaran sosial. Keputusan kajian ini jelas menunjukkan bahawa sokongan sosial yang sama diberikan kepada pelajar lelaki dan perempuan. Sokongan sosial daripada rakan, keluarga dan institusi pendidikan mempunyai kesan yang besar terhadap pembentukan kemahiran abad ke-21 pelajar universiti. Pelajar boleh meningkatkan kemahiran abad ke-21 mereka dengan mengambil bahagian dalam aktiviti dan program bukan akademik di institusi pendidikan. Hal ini berpadanan dengan penemuan Mohamed (2014) yang menunjukkan bahawa program dan aktiviti universiti bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang seimbang dari segi akademik, rohani, emosi dan fizikal. Institusi pengajian memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan sosial kepada pelajar

universiti. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pelajar menghabiskan lebih banyak masa di sekolah berbanding masa bersama keluarga.

Oleh itu, bagi melahirkan seorang pelajar yang holistik pihak universiti telah mewajibkan setiap pelajar untuk menyertai kursus kokurikulum berkerdit bagi membangunkan kemahiran pelajar. Tanpa mengira bidang pengajian, semua pelajar dikehendaki mengambil kursus kokurikulum berkerdit ini. Hal ini membuktikan bahawa walaupun berbeza bidang pengajian, para pelajar tetap mendapat sokongan sosial yang sama. Sokongan sosial pelajar bukanlah bergantung kepada bidang pengajian tetapi ianya juga bergantung kepada cara pelajar mengadaptasi kehidupan di institusi pengajian. Pelajar yang lebih extrovet akan mempunyai persekitaran sosial yang positif dan luas.

Perbezaan Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21 Berdasarkan Jantina dan Bidang Pengajian

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti dengan jantina dan bidang pengajian. Kajian oleh Megat Aman Zahiri et al. (2007) mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara guru pelatih lelaki dan perempuan dalam aspek kemahiran abad ke-21. Kajian oleh Shahrudin et al. (2010) mendapati bahawa pelajar lelaki lebih cenderung untuk menguasai kemahiran ICT, kepimpinan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan komunikasi berbanding pelajar perempuan. Walaupun begitu, pelajar perempuan dilihat lebih cenderung dalam menguasai kemahiran keusahawanan, afektif, pentadbiran dan intelektual. Hal ini adalah kerana semua pelajar tanpa mengira bidang pengajian, mempunyai peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang dijalankan oleh institusi.

Pelajar yang aktif dalam mengikuti program bukan berbentuk akademik di institusi pengajian akan memiliki tahap kemahiran abad ke-21 yang lebih tinggi. Jika dilihat dalam persekitaran institusi pengajian, setiap fakulti mempunyai persatuan pelajar sendiri yang dikendalikan oleh pelajar sepenuhnya dibawah pantauan fakulti. Pengwujudan persatuan pelajar ini merupakan satu platform yang dicipta oleh pihak institusi pengajian bagi memberi peluang untuk pelajar meningkatkan kemahiran abad ke-21. Hal ini terbukti bahawa pemupukan kemahiran abad ke-21 itu tidak dipengaruhi oleh bidang pengajian tetapi bergantung kepada sikap pelajar sama ada ingin mengambil peluang yang disediakan atau pun tidak.

Hubungan Sokongan Persekitaran Sosial dan Pemupukan Kemahiran Abad Ke-21

Analisis hasil kajian menunjukkan hubungan positif yang sangat kuat antara sokongan persekitaran sosial terhadap pemupukan kemahiran abad ke-21. Kajian Mohanaraju et al. (2010) menunjukkan bahawa jika pelajar mendapat sokongan padu daripada persekitaran sosialnya, mereka akan menguasai kemahiran abad ke-21. Kajian ini juga membuktikan teori ekologi Bronfrenbrenner (1979) yang digunakan diterima kerana terdapat hubungan yang kuat antara sokongan persekitaran sosial dan pembangunan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti. Bukan itu sahaja, memberi pelajar peluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh institusi pendidikan mereka atau yang menguruskan kelab atau persatuan secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan kemahiran abad ke-21. Hal ini di sokong oleh kajian Siti Raba'ah et al. (2015) dimana penglibatan pelajar dalam pelbagai bidang aktiviti dapat membantu dalam pemupukan kemahiran abad ke-21 melalui latihan secara langsung kepada para pelajar.

7. Kesimpulan

Hasil daripada perbincangan dapat disimpulkan bahawa jantina tidak memberikan perbezaan yang signifikan kepada pemupukan kemahiran abad ke-21. Bukan itu sahaja, pengaruh sokongan sosial daripada rakan dan institusi pengajian memberikan impak yang besar dalam pemupukan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar universiti. Pewajiban kepada pelajar untuk menyertai kokurikulum bukan berbentuk akademik bermerit secara tidak langsung membantu dalam meningkatkan lagi tahap kemahiran abad ke-21 pelajar.

Selain daripada itu, pihak institusi boleh berkerjasama dengan industri bagi menghasilkan program dan aktiviti keusahawanan yang lebih menarik minat pelajar bagi meningkatkan tahap kemahiran keusahawanan pelajar dari tahap sederhana tinggi kepada tahap tinggi. Kemahiran abad ke-21 amat penting bagi pelajar universiti kini kerana saing pasaran pekerjaan dalam industri global adalah lebih mencabar. Jika pelajar ketinggalan atau lemah dalam memiliki kemahiran abad ke-21 ini, peluang pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja adalah lebih sukar maka dengan itu pelajar universiti perlu lebih positif dan terbuka dalam memupuk kemahiran abad ke-21 yang perlu dimiliki oleh pelajar.

Penghargaan

Ucapan terima kasih dirakamkan oleh pengkaji kepada Prof. Dr. Mahzan Awang Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia atas perkongsian ilmu dan tunjuk ajar dalam menyempurkan kajian ini.

Rujukan

- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of Human Development: Experiments by Nature and Design*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Career Services Network. 2010. Michigan State University.
- Chris Dede. 2009. *Comparing Frameworks for 21st Century Skills*, Harvard Graduate School of Education.
- Dolah, N.A., & Esa, A. 2012. Penerapan Kemahiran Penyelesaian Masalah Menerusi Kelab Kaunseling dan Kerjaya UTHM. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah*.
- Dora, M. T. et al (2008). *Kemahiran Insaniah, & Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Penerbit Universiti Teknikal Malaysia, Melaka.
- Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. 2008. *Kemahiran Insaniah Dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktisiswa Perdana UniMAP*.
- Hii, D.C. 2007. *Soft skills are essential for success in today's workplace*. The Star
- Hwa, Q.A. 2005. *Learning for the workplace: A Case Study in Graduate Employees' Generic Competencies*. *Journal of Workplace Learning*.
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhamamad Khaldun al Hadrami. (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*. *Educational and Psychological Measurement*.
- Mohamad Sattar Rasul et, al. 2009. *Aspek Kemahiran Employability yang Dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.

- Nurullah, S. 2012. Received and Provided Social Support: A Review of Current Evidence and Future Direction. *American Journal of Health Studies*.
- Pukelis, K. & Pileickiene, n. 2010. Improvement of Generic Skills Development in Study Programmes of Higher Education: The graduates' viewpoint. *Quality of Higher Education*.
- Salim, N. Z. B. 2012. Hubungan Diantara Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Insaniah Dengan Pencapaian Akademik Pelajar.
- Sarafino, E. P. 2011. *Health Psychology: Biopsychosocial Interactions* 7th edition. Hoboken, NJ Wiley.
- Statistik Pendidikan Tinggi 2021: Kementerian Pengajian Tinggi
- Stedman Graham, Preparing for the 21st Century: Soft Skills Matter, *Huffington Post*, April 26, 2015.
- Suliman M. S., Hiroyuki Y., Ab. Jabar N., XuanL. Y. & Mat Daud M. S. 2021. Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Bidang Bahasa, Sastera dan Budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*.
- Sulaiman, W. I. W., Noor, N. M., Salman, A., & Mahbob, M. H. 2017. Pengaruh Teknologi Komunikasi Terhadap Perubahan Keorganisasian di Jabatan Penyiaran Malaysia.
- Tewari, R. 2010. Training Students in Soft Skills for Liberalization, Privatization and Globalization.
- Wats, M. & Wats, R.K. 2009. developing soft skills in students. *International Journal of Learning*.
- Wrahatnolo T. & Munoto. 2018. 21st-Century Skill Implication on Educational System. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*.
- Yussof, I., Ismail, R. & Sidin, R. 2008. *Graduan dan Alam pekerjaan: Kes Siswazah UKM*. Akademika.